



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH JABATAN AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

#### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 2 MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI MELAKA**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017.
2. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
3. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 16 Februari 2023. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Tuan Yang

Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, laporan tersebut akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 14 Mac 2023.

4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **4.1. Pengurusan Tanah Adat Melaka**

##### **- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah serta Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah**

- a. Negeri Melaka tidak menggunakan Enakmen Rizab Melayu bagi pelaksanaan kawalan pemilikan tanah orang-orang Melayu. Di negeri Melaka, tanah ini dikenali sebagai Tanah Adat Melaka atau Malacca Customary Lands (MCL) yang wujud di bawah Malacca Lands Customary Right Ordinance of the Straits Settlements SS Cap.125. Ordinan ini telah dimansuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Kanun Tanah Negara (Hak milik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 (Akta 518) pada 1 Januari 1966.
- b. Arahan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Bilangan 1 Tahun 1989 adalah mengenai Tatacara Memproses Permohonan Mencatitkan MCL Dalam Hak Milik. Selain itu, Arahan PTG Bilangan 1 Tahun 1996 serta Bilangan 1 Tahun 2017 dikeluarkan melalui Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertujuan untuk menggalakkan pemilik tanah membuat permohonan pertukaran tanah pajakan kepada MCL sekali gus meningkatkan peratusan pemilikan MCL telah diluluskan.
- c. Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan tanah adat Melaka adalah baik. Penilaian output berdasarkan prestasi keluasan MCL bagi tempoh 2019 hingga 2021 menunjukkan peningkatan dari segi keluasan tanah sejumlah 1,976.19 hektar. Prestasi kutipan cukai tanah MCL juga adalah baik kerana berlaku peningkatan setiap tahun bagi tahun 2019 hingga 2021.
- d. Dari segi aspek pengurusan MCL, terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan kerana berlaku peningkatan tunggakan cukai tanah bagi tempoh tiga tahun. Kelemahan dari segi penguatkuasaan juga menyebabkan berlakunya lot bertindih atau lot yang tidak dibatalkan hak milik dalam sistem e-Tanah. Selain itu, berlaku kelewatan proses pengambilan tanah menyebabkan pampasan lewat dibayar kepada pemilik tanah. Pengurusan dokumen hak milik daftaran

juga kurang memuaskan kerana terdapat perbezaan maklumat pada Sijil Carian Rasmi, Pelan Tanah dan maklumat di Jabatan Ukur dan Pemetaan.

#### **4.2. Melaka Sentral Sdn. Bhd.**

- a. Melaka Sentral Sdn. Bhd. (MSSB) merupakan syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). Objektif utama penubuhan MSSB adalah untuk menguruskan keseluruhan Terminal Melaka Sentral secara profesional bagi memastikan keselesaan dan kemudahan perniagaan kepada penyewa dan orang awam.
- b. Pengauditan melibatkan pengurusan syarikat MSSB yang meliputi tiga aspek utama, iaitu aktiviti syarikat melibatkan perkhidmatan penyewaan lot perniagaan; kedudukan kewangan; dan tadbir urus korporat.
- c. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan MSSB dalam menguruskan Terminal Melaka Sentral belum dapat dicapai sepenuhnya. Pencapaian output bagi penyewaan lot perniagaan adalah kurang memuaskan kerana pencapaian lot perniagaan yang bersewa hanya 56.8%. Pencapaian keberhasilan pendapatan utama adalah memuaskan kerana telah menyumbang 71% kepada keseluruhan pendapatan operasi MSSB. Bagaimanapun, prestasi pembayaran dividen tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- d. Antara kelemahan aktiviti penyewaan lot perniagaan adalah seperti penyediaan surat tawaran dan perjanjian penyewaan tidak teratur; kadar denda yang tidak seragam; penyelenggaraan bangunan MSSB tidak teratur; dan pemasaran yang tidak strategik serta kurang berkesan.
- e. Kedudukan kewangan MSSB kurang stabil kerana mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM15.72 juta bagi tahun 2021. Pengurusan kewangan MSSB juga kurang cekap kerana terdapat perbezaan jumlah kutipan tunai dengan jumlah dibankkan berjumlah RM743,584. Selain itu, tandatangan pada 20 baucar bayaran dan 65 baucar tunai diragui.
- f. Amalan tadbir urus korporat MSSB adalah kurang memuaskan kerana hanya dua daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat dilaksanakan sepenuhnya. Enam aspek lain yang tidak dilaksanakan sepenuhnya telah

memberi kesan kepada tahap kecekapan dan keberkesanan operasi harian syarikat.

#### **4.3. Pengauditan Pematuhan**

##### **a. Bayaran Terhadap Perkhidmatan Kawalan Keselamatan**

###### **- Jabatan Agama Islam Melaka**

- i. denda berjumlah RM5,920 tidak dikenakan terhadap pengawal keselamatan yang tidak membuat rondaan *clocking* dengan teratur; dan
- ii. denda berjumlah RM45,388 tidak dikenakan terhadap kegagalan pihak syarikat perkhidmatan kawalan keselamatan menyediakan kelengkapan dan peralatan yang mencukupi.

##### **b. Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Bagi Asnaf Fisabilillah**

###### **- Majlis Agama Islam Melaka**

- i. terdapat perbezaan jumlah tuntutan perolehan bangunan Wisma Melaka Mesir berjumlah RM0.80 juta; dan
  - ii. perbelanjaan kepada Jabatan Mufti Negeri Melaka berjumlah RM6,150 tidak digunakan mengikut maksud asnaf fisabilillah yang sepatutnya.
5. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 11 syor di dalam LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka.

6. LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 14 Mac 2023. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 14 Mac 2023 selepas jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Jabatan Audit Negara

14 Mac 2023

21 Syaaban 1444H